

GARIS PANDUAN PELANTIKAN, KELAYAKAN, LATIHAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG YANG ORANG KOMPETEN DI BAWAH PERUNTUKAN PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KAWALAN TERHADAP BAHAYA KEMALANGAN BESAR DALAM PERINDUSTRIAN), 1996

1.0 PELANTIKAN ORANG KOMPETEN

1.1 Tujuan utama pelantikan Orang kompeten adalah untuk memastikan bahawa hanya mereka yang mempunyai pengalaman, pengetahuan, kelayakan yang mencukupi dan kepakaran dibenarkan untuk menyediakan laporan bertulis bagi Pepasangan Bahaya Besar.

1.2 Ketua Pengarah boleh melantik seseorang yang berkelayakan untuk didaftarkan sebagai Orang Kompeten.

1.3 Ketua Pengarah hendaklah mengekalkan dan mengemaskini Daftar Orang Kompeten

1.4 Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftaran man-mana Orang Kompeten :-

- a) Jika pelantikan beliau adalah didapati dengan cara penipuan atau maklumat yang diberikan tidak benar; atau
- b) Jika beliau gagal melaksanakan tanggungjawabnya sebagai mana Orang Kompeten sebagai peruntukan dibawah Peraturan ini.

1.5 Tiada seorang pun boleh bertindak sebagai Orang Kompeten melainkan jika beliau dilantikan oleh Ketua Pengarah.

2.0 PELANTIKAN DAN LATIHAN

2.1 Pemohon hendaklah seorang warganegara Malaysia, atau jika seorang pemastautin asing, hendaklah memegang permit kerja Malaysia yang sah.

2.2 Pemohonan hendaklah berumur tidak kurang daripada dua puluh satu (21) tahun.

2.3 Pemohon hendaklah mempunyai ijazah atau yang setaraf dalam salah satu bidang berikut : kejuruteraan, fizik, kimia, biokimia, ergonomik atau sains gunaan dari Universiti yang diiktiraf.

2.4 Pemohon mempunyai tidak kurang daripada tiga (3) tahun pengalaman pratikal yang relevan kepada kerja yang perlu dilakukan oleh Orang Kompeten di bawah Peraturan ini.

2.5 Mempunyai pengetahuan yang baik dan pengalaman dalam bidang-bidang berikut :-

- Perundangan Malaysia berkaitan Major Hazard terutamanya dibawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Peraturan-Peraturan dibawahnya;
- Sistem Pengurusan Keselamatan;
- Pelan Keselamatan Tapak;

Mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang mencukupi dalam bidang-bidang berikut :-

- Pengenalpastian dan penilaian terhadap bahaya dan risiko;
- Pengenalpastian kes kegagalan dan scenario-senario;
- Analisis kekerapan dan akibat bagi kemalangan besar;
- Sumber pencucuhan, topografi dan meterologi;
- Penggunaan perisian dalam analisis risiko kuantitatif;
- Kriteria penerimaan risiko;
- Langkah-langkah mitigasi risiko;
- Perancangan penggunaan tanah;

2.6 Individu yang mempunyai kelayakan profesional dalam bidang seperti kejuruteraan, kimia dan lain-lain perlu mendaftar terlebih dahulu dengan badan-badan profesional yang berkenaan di Malaysia.

2.7 Syarikat perunding yang memiliki oleh warga asing mestilah mempunyai bilangan pekerja warganegara Malaysia yang mencukupi, berkelayakan dan bekerja sepenuh masa. Syarikat tersebut mestilah berpangkalan di Malaysia dan ditubuhkan berdasarkan perundangan Malaysia.

2.8 Jika pendapat Ketua Pengarah, seseorang yang tidak memenuhi keperluan kompetensi atau untuk apa-apa sebab yang difikirkannya patut beliau boleh menolak untuk melantik pemohon tersebut .

2.9 a) Ketua Pengarah boleh menghendaki Orang Kompeten untuk menerima latihan atau menghadiri apa-apa kursus pengajaran yang berkaitan dengan kerja-kerja sebagai Orang Kompeten sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

b) Jika Orang Kompeten gagal untuk mematuhi mana-mana syarat keperluan, Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftaran Orang Kompeten.

3.0 TANGGUNGJAWAB ORANG KOMPETEN

Memberi khidmat nasihat kepada pengilangan dalam kawalan bahawa besar terutama dalam bidang-bidang berikut :-

a) Dalam penyediaan laporan bertulis (laporan baru) yang mengandungi maklumat yang dinyatakan dalam jadual 6 Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Industri) 1996 untuk dihantar kepada Ketua Pengarah.

b) Dalam penyediaan laporan lanjutan bertulis (laporan pengubahsuaian) yang mengambil kira pengubahsuaian kepada aktiviti industri untuk dihantar kepada Ketua Pengarah.

c) Dalam penyediaan laporan lanjutan bertulis (laporan kemaskini) yang mengambil kira terutamanya pengetahuan teknikal baru yang ketara yang memberi kesan kepada butiran dalam laporan terdahulu yang berkaitan dengan keselamatan dan peningkatan pengetahuan mengenai penilaian bahaya untuk dihantar kepada Ketua Pengarah.

d) Dalam penyediaan pelan kecemasan tapak yang mencukupi yang memperincikan cara menangani kemalangan besar di tapak untuk dihantar kepada Ketua Pengarah.

4.0 PEMOHONAN

Seseorang yang ingin memohon sebagai Orang Kompeten hendaklah mengisi borang ini dan dihantar bersama-sama dengan:-

a) Salinan sijil kelayakan akademi atau profesional ;

b) Butiran pengalaman kerja;

c) Butiran penglibatan dalam kawalan terhadap kemalangan besar dalam perindustrian; dan

d) Satu Laporan aktiviti Industri yang lengkap bagi man-mana Pepasangan Bahaya Besar yang disediakan perlu dihantar; jika ada, kepada :-

**GARIS PANDUAN PELANTIKAN, KELAYAKAN, LATIHAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG YANG ORANG KOMPETEN DI BAWAH
PERUNTUKAN PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KAWALAN TERHADAP BAHAYA KEMALANGAN
BESAR DALAM PERINDUSTRIAN), 1996**

Ketua Pengarah

**Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan,
Aras 2,3 dan 4, Blok D3, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA**

**Selepas permohonan diterima pemohon yang layak perlu hadir dan lulus
dalam temuduga yang dikendalikan oleh Jabatan sebelum dilantik
sebagai Orang Kompeten dibawah peruntukan Peraturan ini.**



JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(KAWALAN TERHADAP BAHAYA KEMALANGAN BESAR DALAM PERINDUSTRIAN) 1996

BORANG PERMOHONAN PENDAFTARAN ORANG KOMPETEN

A. MAKLUMAT AM		
Nama Penuh (dalam huruf besar) :	Tarikh Lahir :	Jantina : Lelaki <input type="checkbox"/> Perempuan <input type="checkbox"/>
No Kad Pengenalan (Lama) : (Baru) : atau No. Passport :	Tempat Lahir Bandar : Negeri : Negara :	Warganegara :
Alamat Rumah : Poskod :		No. Telefon :
Nama Organisasi dan Alamat : Poskod :		No. Telefon : No. Faks : E-mel :

B. PENDIDIKAN TERTINGGI DAN KURSUS-KURSUS LAIN YANG BERKAITAN**(1) PENDIDIKAN TERTINGGI**

Nama Institusi	Tahun		Kelayakan Tertinggi Yang Diperolehi
	Dari	Hingga	

(2) KURSUS-KURSUS YANG BERKAITAN

Nama Kursus atau Seminar	Tarikh

C. SEJARAH PEKERJAAN

Nama Syarikat	Tempoh Pekerjaan		Jawatan	Keterangan Tugas
	Dari	Hingga		

D. PENGALAMAN BERKAITAN KAWALAN TERHADAP BAHAYA KEMALANGAN BESAR

Pengalaman Dalam Kawalan	Tarikh

E. Pengesahan

Saya dengan ini mengesahkan maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan membenarkan anda atau wakil anda mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan permohonan ini dari mana-mana sumber yang berkaitan. Jika mana-mana maklumat di atas adalah tidak benar, anda mempunyai hak untuk menolak permohonan ini atau membatalkan pendaftaran saya sebagai Orang Kompeten tanpa sebarang notis.

Tandatangan :

Nama : _____

Tarikh : _____